

**TEKS UCAPAN
PRESIDEN ANGKASA
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

**BENGKEL PEMERKASAAN PERNIAGAAN
KOPERASI KARIAH MASJID 2023
07 – 08 OKTOBER 2023**

PARK AVENUE HOTEL SUNGAI PETANI, KEDAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salutasi

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapatlah kita bersama-sama berkumpul dalam menjayakan Bengkel Pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid 2023.

2. Setinggi – tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak sekrateriat kerana telah bertungkus lumus dalam menjayakan hari ini dan juga terima kasih kepada semua pihak yang turut hadir dalam usaha kita memperkasakan lagi landskap perniagaan koperasi kariah masjid.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Masjid merupakan sebuah institusi ibadah yang berperanan sebagai pusat pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan ibadah bagi umat Islam. Selain itu, masjid juga berperanan sebagai pusat aktiviti

yang memberikan manfaat kepada umat Islam dan masyarakat setempat.

4. Kita perlu mempunyai pandangan yang jauh dalam usaha memartabatkan peranan masjid di dalam kehidupan seharian yang menjurus ke arah kebaikan. Seharusnya institusi masjid diperluaskan

peranannya serta dijadikan ruang untuk membangunkan ekonomi ummah setempat dan masyarakat Islam keseluruhannya seperti yang berlaku di zaman Rasullullah SAW. Masjid pada waktu itu turut dijadikan tempat bermesyuarah, berlatih memamah, aktiviti perdagangan, dan sebagainya.

5. Justeru adalah harus kita mengambil contoh tersebut dengan menjadikan masjid salah satu pusat pembangunan ekonomi umat Islam setempat. Berniaga juga adalah satu pekerjaan yang mulia kerana Rasulullah S.A.W terkenal sebagai seorang peniaga sebelum dan selepas Baginda S.A.W dilantik menjadi Rasul.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Bengkel Pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid 2023 yang diadakan pada hari ini bertujuan untuk mewujudkan strategi perniagaan dan membangunkan aktiviti perniagaan sedia ada. Perlaksanaan serta penganjuran bengkel ini juga

tujuannya adalah bagi mengenalpasti cabaran dan penambahbaikan bagi setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan supaya setiap perniagaan itu dapat berkembang maju.

7. Bagi usaha memperkasakan lagi perniagaan yang dijalankan oleh koperasi kariah masjid di Malaysia,

ANGKASA telah menubuhkan sebuah konsortium koperasi kariah masjid yang pertama di Malaysia. Konsortium koperasi kariah masjid telah didaftarkan atas nama Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad (KONSORMAS). Keanggotaannya juga dibuka kepada

semua koperasi kariah masjid dan surau di seluruh negara.

8. Sehingga kini sebanyak 58 koperasi kariah masjid telah menjadi ahli KONSORMAS dengan pendaftaran dendan modal saham minimum sebanyak RM1,000.00. KONSORMAS kini bergiat aktif melaksanakan aktiviti

perniagaan yang berkaitan dengan keperluan anggota Kariah Masjid. Salah satu keperluan yang dikenal pasti ialah tentang pembekalan lembu daging terutamanya semasa Hari Raya Aidiladha.

9. Bermula pada tahun 2018 sehingga 2023, KONSORMAS telah menjalankan

perkhidmatan “Quick Win” bagi membekal dan mengedar lembu korban kepada koperasi-koperasi fidlot seluruh negara yang berminat mendapatkan bekalan lembu dari pihak KONSORMAS.

10. Berdasarkan 5 tahun pengalaman terlibat dalam bekalan lembu korban

ini, melalui perancangan rapi serta strategi yang betul, usaha ini dapat dijalankan secara tersusun dan meningkatkan jumlah bekalan dan perolehan KONSORMAS secara keseluruhannya.

11. Bagi melengkapkan rantai ini dan mengurangkan lagi kos yang

akan ditanggung oleh anggota, KONSORMAS membuat Pajak Tanah Ladang Setelit Nasional Lot 447, Kampung Kuala Jerang, Mukim Triang Hilir, Jelebu Negeri Sembilan Darul Khusus seluas 20 ekar dan telah diluluskan oleh Pejabat 17 Daerah dan Tanah Jelebu, Negeri Sembilan pada 9 Mac 2020.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Peranan koperasi kariah masjid membantu meningkatkan taraf kehidupan anggota dan masyarakat muslim harus dipertingkat dari masa ke masa. Kepimpinan serta pengurusan koperasi perlu mempunyai hala tuju yang jelas dan melaksanakan strategi

penambahbaikan secara berkala bagi mendepani cabaran dalam pemasaran dan menilai keperluan pengguna.

13. Dari segi dalaman, kompetensi dari segi keusahawanan dan pengurusan kewangan adalah elemen penting bagi memastikan koperasi kekal utuh

untuk terus memberi manfaat kepada anggotanya. Di samping itu, koperasi juga haruslah lebih proaktif bagi mencari peluang untuk menjana pendapatan menerusi penglibatan dalam perniagaan yang sesuai dengan kedudukan kewangan mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya berharap melalui bengkel yang diadakan ini akan memberi sedikit sebanyak penerangan berkenaan tatakelola baik berkoperasi dan memberi idea akan perniagaan yang dapat diceburi dalam usaha kita

semua meningkatkan daya saing koperasi kariah masjid di negara ini.

15. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada, tuan-tuan atas sokongan kepada KONSORMAS untuk menjayakan kesemua projek yang telah dilaksanakan.

'Ummah Muafakat, Ekonomi Berkat'

Sekian, terima kasih. Wassalam.